



## IKLAN JAWATAN KOSONG

### PUSAT INOVASI KOLABORATIF UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Kami memerlukan **Warganegara Malaysia** yang **berkelayakan, komited** dan **berdedikasi** untuk berkhidmat di Pusat Inovasi Kolaboratif (PIK), UKM bagi jawatan seperti berikut:

#### PEGAWAI PENYELIDIK Q1-1 (2 kekosongan)

*Klasifikasi*

*Perkhidmatan* : Penyelidikan, Pembangunan & Inovasi

*Gred Gaji Q1-1* : T1 RM1920 - T20 RM6215

*Elaun* : Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM300.00  
Imbuan Tetap Perumahan : RM250.00  
Bantuan Sara Hidup : RM300.00

*Taraf Jawatan* : Kontrak (Dana Universiti Penyelidikan)

*Syarat Lantikan:*

**Lantikan Terus**

- i. ijazah sarjana muda dengan kepujian dalam bidang sains/kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan pada Gred Q1-1 : T1 RM1920); **DAN**
- iii. **kepujian** Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Keutamaan adalah diberi kepada calon yang;**

- Memperolehi ijazah sarjana muda dengan kepujian dalam bidang sains atau kejuruteraan (PNGK 3.0 ke atas); dan
- Mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam bidang pengurusan Harta Intelek.

**Umur:** Berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup permohonan.

**Pegawai sedang berkhidmat** hendaklah berumur kurang daripada **54 tahun** pada tarikh lantikan.

Tarikh tutup permohonan : **27 Januari 2012**

Pemohon-pemohon **yang disenarai pendek** sahaja yang akan dipanggil menghadiri ujian/temuduga.